Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
https://www.foe-malaysia.org

**Kenyataan Akhbar** **29 Jun 2018**

**Kampung di sekitar Marudi menghadapi masalah kekurangan bekalan air bersih yang teruk**

Tatkala negara kita sedang berada di titik perubahan politik yang bersejarah ini, Sahabat Alam Malaysia (SAM) ingin menarik perhatian semua pihak tentang penderitaan masyarakat Orang Asal kita yang telah lama dinafikan hak mereka ke atas pelbagai kemudahan asas. Di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia, sebahagian besar populasi masyarakat Orang Asal kita masih lagi tidak berupaya untuk mencapai sistem bekalan air bersih, tenaga elektrik dan sanitasi, serta kemudahan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan yang bermutu. Jika kita benar-benar serius tentang reformasi institusi dan kepemerintahan bagi negara kita, perkara ini mestilah ditangani dengan kadar yang segera dan berkesan oleh pihak berkuasa persekutuan dan negeri.

Seiring dengan ini, kami ingin menyuarakan kegusaran kami terhadap permasalahan kekurangan sumber air bersih bagi lebih seribu penduduk di rumah panjang di sekitar kawasan Puyut-Lubuk Nibong di sekitar Marudi, Baram. Hasil beberapa peninjauan kami lewat satu bulan ini, kami telah mendapati bahawa keadaan hidup para penduduk kampung di sekitar kawasan ini amatlah menyedihkan, terutama sekali setelah kemarau panjang tiba semenjak dari petengahan bulan Mac lepas lagi.

Menurut para penduduk di kawasan Puyut, kebanyakan rumah panjang di sini telah pun membina sendiri sistem bekalan air bersih yang berasaskan penyaluran graviti, bersumberkan dari anak-anak sungai yang berdekatan. Bekalan air sungai ini pada asalnya memang dirancang untuk menyalurkan sumber air bersih yang selamat digunakan oleh para penduduk kampung bagi tujuan minuman, penyediaan makanan dan pembersihan.

Namun para penduduk mendakwa, sumber air sungai sekarang telah terlalu teruk terjejas oleh pencemaran, dan berkemungkinan tidak selamat lagi untuk diminum dan paling tidak, hanya dapat digunakan bagi tujuan pembersihan.

Bagi rumah panjang yang terletak agak jauh dari sebarang anak sungai yang dapat disalurkan melalui tarikan graviti, mereka telah menggunakan air dari kolam-kolam kecil yang terletak berhampiran dengan kampung-kampung mereka, tetapi untuk tujuan pembersihan sahaja. Namun akibat dari kemarau panjang, air kolam-kolam ini juga telah semakin teruk terjejas mutunya dan malah tidak dapat digunakan lagi walau sekadar untuk tujuan pembersihan.

Oleh itu pada hari ini, untuk tujuan pembersihan, kampung-kampung ini rata-ratanya telah terpaksa bergantung kepada air hujan yang ditapis. Malangnya, kemarau panjang yang dihadapi sekarang ini telah pula menjejaskan simpanan air hujan para penduduk.

Sementara itu, untuk sumber bekalan air minuman bersih, para penduduk sekarang ini tidak memiliki pilihan lain, selain dari mendapatkannya dari paip air yang terletak di tapak pasar tamu di pekan Marudi, atau dari air botol mineral yang terpaksa dibeli. Di Rumah Entawan di Padang Kerbau, sesetengah keluarga di sini malah